

Nilai hubungan Timur-Barat

U.M 12/11/08 MS 11

Oleh ZAHARUDDIN MOHD. ALI

(Yang mengikut lawatan Perdana Menteri ke Madrid, Sepanyol baru-baru ini)

MEMBINA jambatan bagi menyambung dunia di sebelah Timur dengan Barat - itulah yang sebenarnya berlaku apabila kerajaan Sepanyol menganjurkan Forum Tahunan Pertama Perikatan Ketamadunan di Madrid, ibu kota Sepanyol, Selasa lalu.

Ini kerana perbezaan agama dan budaya telah mencetuskan banyak persengketaan antara manusia yang mendorong wujudnya keperluan untuk mencari satu titik persamaan agar masyarakat Timur dan Barat tidak terjebak dengan konflik ketika dunia semakin 'mengecil' dan sempadan antara negara hanya dipisahkan ideologi politik.

Pergerakan manusia antara Timur dan Barat kini telah menjadi satu kebiasaan - terbang merentasi benua hanya memakan masa beberapa jam dan proses asimilasi berlaku di seluruh benua yang ada kalanya mencetuskan pertembungan-pertembungan nilai adat dan budaya.

Menyedari seriusnya permasalahan yang bakal dihadapi, kerajaan Sepanyol dan Turki mengambil inisiatif menganjurkan Forum Perikatan Ketamadunan (*Alliance of Civilisations*) sejak 2005 dan ia disokong oleh *Group of Friends* yang dianggotai oleh masyarakat dari 75 buah negara serta badan dan pertubuhan antarabangsa.

Forum ini akan diadakan setiap tahun, menghimpunkan tokoh-tokoh agama, masyarakat dan politik dari Timur dan Barat di atas satu pentas bagi membincangkan isu kemanusiaan membabitkan soal agama dan budaya dan ia dilaksanakan dengan restu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Merungkai permasalahan yang dikemukakan dalam forum ini bukanlah mudah kerana baik masyarakat di Timur atau Barat, manusia telah membina ketamadunan dengan acuan masing-masing dan bersamanya wujud nilai kehidupan yang menjadi teras atau budaya sesuatu masyarakat.

Bagaimanapun dalam dunia globalisasi, apabila Timur yang kononnya diselaputi budaya dan adat yang menebal bertemu Barat yang kononnya lebih maju dan kerap

menjadikan isu agama dan budaya soal picians, tentunya satu penyesuaian perlu dicari kerana kedua-duanya (masyarakat Timur dan Barat) mahu melindungi norma-norma yang mereka bawa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dijemput sebagai salah seorang ahli panel forum mengambil contoh mudah membezakan pertembungan Timur dan Barat dengan menyebut isu karikatur Nabi Muhammad yang dipaparkan oleh akhbar di Barat.

Bagi mereka (akhbar di Barat) ia tidak lebih daripada sebuah karikatur manakala bagi masyarakat Timur khususnya yang beragama Islam, penyiaran sesuatu yang menyentuh soal kepercayaan boleh mencetuskan pelbagai reaksi kemarahan.

Dari sudut budaya pula, arus kehidupan moden sering mempengaruhi generasi semasa terikut-ikut dengan trend, namun dalam kepesatan arus perubahan ini, Timur mahu terus melindungi nilai-nilai ketimuran.

Kebebasan

Umpamanya masyarakat Barat mahu soal kebebasan beragama dianggap sebagai hak peribadi, jadi ia perlu dipisahkan dengan kehidupan bermasyarakat manakala bagi masyarakat Timur, agama itu mempengaruhi kehidupan bermasyarakat dan budaya yang dibawa.

Dalam menikmati kemakmuran dunia moden, pastinya ramai yang terikut-ikut dengan arus semasa dan pada masa yang sama, tentunya ada yang terus mempertahankan budaya dan peradaban yang mereka pegang.

Golongan ini tidak seharusnya disisih atau dipinggir oleh mereka yang berada dalam arus pemodenan ini kerana semua pihak perlu mengamalkan sikap toleransi dan menerima kehadiran kepelbagaian budaya.

Tidak timbul soal siapa betul atau salah kerana dalam banyak hal, isu agama dan budaya tidak mencetuskan konflik yang tidak boleh diatasi cuma apabila ia menjadi agenda politik, segala-galanya akan bertukar hodoh.

Soal agama kerap dijadikan alasan dalam pertembungan-pertembungan ini dan Barat terus mahu mendabik dada mem-

Arus kehidupan moden sering mempengaruhi generasi semasa terikut-ikut dengan trend, namun dalam kepesatan arus perubahan ini, Timur mahu terus melindungi nilai-nilai ketimuran



SHEIKHA Mozah isteri Emir Qatar berucap kepada kumpulan peringkat tertinggi Forum Perikatan Ketamadunan di Madrid Selasa lalu. Pada layar kelihatan ahli panel forum: Perdana Menteri Turki, Recep Tayyip Erdogan, penaja bersama majlis yang juga Setiausaha Agung PBB, Ban Ki-moon; PM Sepanyol, Jose Luis Rodriguez Zapatero dan bekas Presiden Portugal, Jorge Sampaio.

perjuangkan ideologi mereka dengan pelbagai alasan sebagai perisai agenda politik mereka tanpa mempedulikan nilai dan budaya ketimuran.

Forum memperkatakan soal peradaban manusia boleh diadakan setiap tahun tetapi sejauh mana ia berkesan dalam mempengaruhi dan memperbaiki hubungan antara sesama manusia adalah sesuatu yang akan dinilai kemudian.

Adalah amat malang jika forum seumpama ini hanya menjadi medan membina-

cangkan soal-soal retorik kerana ia sebenarnya membabitkan semua manusia di seluruh dunia.

Menangani isu agama dan budaya antara Timur dan Barat bukan perkara mudah kerana ia memerlukan pemahaman, kesungguhan dan iltizam yang tinggi kerana jika tidak, ia akan menjadi satu lagi sandiwara politik dan manusia akan terus salah menyalahkan dan berbunuhan sesama sendiri.